

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

SAW305 – Teori Lanjutan Tingkahlaku Manusia dan Masyarakat

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan 1 di Bahagian I adalah **WAJIB**. Pilih dan jawab **TIGA** (3) daripada Bahagian II.

BAHAGIAN I (25 markah)

Soalan 1 adalah WAJIB.

1. Pilih LIMA (5) daripada lapan konsep di bawah. Berikan definisi, penerangan dan contoh bagi setiap satu konsep yang dipilih.
 - a. Teori-teori Pertengahan (*Middle-range Theories*)
 - b. Otoriti (*Authority*)
 - c. Definisi keadaan (*Definition of the situation*)
 - d. Prinsip dan lain-lain (*et cetera principle*)
 - e. Stok ilmu (*Stock of knowledge*)
 - f. Kesedaran praktikal (*Practical consciousness*)
 - g. Objektivasi (*Objectivation*)
 - h. Penerangan (*Accounting*)

BAHAGIAN II (75 markah)

Pilih dan jawab TIGA (3) daripada enam soalan di bawah.

2. (a) Apakah tiga jenis kapital pada pendapat Bourdieu? Bincangkan setiap satu dengan terperinci. (10 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana kapital budaya dan keganasan simbolik digunakan dalam penghasilan semula kelas menurut Bourdieu. (15 markah)
3. (a) Apakah angkubah-angkubah corak (*pattern variables*) yang dikemukakan oleh Parsons? Bincangkan setiap satu dengan terperinci. (10 markah)
- (b) Bincangkan teori sistem aksi am Parson dengan menggunakan skema AGIL. Bagaimanakah proses sosialisasi menghubungkan setiap sub-sistem? (15 markah)

4. (a) Bincangkan beberapa perbezaan di antara teori konflik Dahrendorf dan teori konflik Collins.
(10 markah)
- (b) Bincangkan peranan konflik dalaman dan konflik luaran untuk sesuatu kumpulan menurut Coser?
(15 markah)
5. (a) “Bukankah kita semua pelakon yang menipu?” (“*Aren't we all con artists, after all?*”)
Apakah yang dimaksudkan oleh Goffman dengan kenyataan di atas? Perbincangan anda mesti mengambilkira idea-idea penting Goffman dalam dramaturgi.
(15 markah)
- (b) Dengan memberi penekanan kepada beberapa ciri diri (*self*), bincangkan apa yang membezakan Robinson Crusoe dan Tarzan mengikut perspektif interaksi simbolik.
(10 markah)
6. (a) Bandingkan etnometodologi dan interaksi simbolik.
(10 markah)
- (c) Apakah yang dimaksudkan oleh Garfinkel dengan kenyataan beliau bahawa fakta sosial yang objektif merupakan kejayaan ahli-ahli masyarakat atau kumpulan tersebut? Bandingkan dengan pandangan Durkheim mengenai fakta sosial.
(15 markah)
7. (a) Bagaimanakah konsep ‘struktur’ Giddens berbeza dengan penggunaan biasa konsep ini dalam teori-teori sosial? Bandingkan keduanya.
(10 markah)
- (b) Dengan mengambilkira konsep-konsep ‘ejen’, ‘ejensi’, ‘refleksiviti’ (*reflexivity*) dan *duality of structure*, bincangkan dengan terperinci teori strukturasi Giddens.
(15 markah)